



14 FEB, 2022

Setiap penguat kuasa wajib dilengkapi kamera badan

Utusan Malaysia, Malaysia





14 FEB, 2022

Setiap penguat kuasa wajib dilengkapi kamera badan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 3

Setiap penguat kuasa wajib dilengkapi kamera badan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pemakaian kamera badan pada setiap ahli penguat kuasa perlu dilaksanakan bagi memelihara integriti setiap pasukan selain dapat membentuk sikap telus dan profesional semasa berdepan dengan masyarakat.

Malah, pengenalan pemakaian kamera badan kepada anggota polis bertugas pernah diisulkan pada 2014, namun tiada pelaksanaan susulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan memaklumkan, beliau pernah mencadangkan pemakaian kamera pada setiap anggotanya namun tidak mendapat maklum balas daripada kerajaan.

Menurut beliau, kamera badan seperti dipakai oleh pega-

CONTOH kamera badan yang pernah dicadangkan untuk digunakan anggota polis pada 2014.



wai polis di United Kingdom (UK) membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat dan melindungi nama baik badan itu daripada segala tohmahan.

"Dengan adanya kamera badan, pegawai akan sentiasa berada dalam keadaan sedar bahawa gerak geri mereka dirakam

dan akan sentiasa bersikap profesional dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka.

"Malah, jika ada sebarang tohmahan mengenai pecah amanah atau salah laku seperti kes-kes yang tular dalam media sosial sebelum ini, kita dapat lihat daripada klip rakaman

kamera badan tersebut untuk mempermudah siasatan," katanya semasa dihubungi.

Terdahulu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan membuat pelaksanaan secara berperingkat bagi pemakaian kamera badan kepada penguat kuasanya dan dijangka selesai Jun ini.

Pemakaian kamera badan itu dikatakan sebagai usaha menangani salah laku dan aktiviti rasuah dalam kalangan pasukan uniform berkenaan dan sudah dilengkapkan dengan lebih 100 pegawai badan tersebut termasuk petugas barisan hadapan seperti di pintu masuk negara.

Dalam pada itu, Musa berkata, semua penguat kuasa perlu dipakaikan alat teknologi tersebut bagi menjamin mereka menjalankan tugas dengan amanah sekali gus mampu menaikkan integriti kerajaan.

"Kamera badan itu ada mekanismenya sendiri, apabila ia dirakam, klip rakaman itu tidak boleh dipadam atau dicabot. Hanya pasukan teknikal sahaja boleh melihat atau memainkan klip tersebut. Jadi, pegawai yang melakukan kesalahan tidak boleh memadam video itu," ujarnya.

Tambahnya, setiap penguat kuasa dinasihatkan untuk tidak memakai barangan peribadi seperti telefon bimbit semasa menjalankan tugas dan perlu memakai teknologi yang dikhususkan seperti walkie-talkie.

"Sepatutnya, setiap pegawai tak boleh memakai telefon sendiri semasa bertugas, harus menggunakan walkie talkie kerana apabila menggunakan alat tersebut, setiap perbualan akan didengari oleh bilik gerakan dan tidak menimbulkan sebarang perkara buruk," jelasnya.



14 FEB, 2022

Setiap penguat kuasa wajib dilengkapi kamera badan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Setiap penguat kuasa wajib dilengkapi kamera badan »13

PETALING JAYA: Pemakaian kamera badan pada setiap ahli penguat kuasa perlu dilaksanakan bagi memelihara integriti setiap pasukan selain dapat membentuk sikap telus dan profesional semasa berdepan dengan masyarakat. Malah, pengenalan pemakaian kamera badan kepada anggota polis bertugas pernah diusulkan pada 2014, namun tiada pelaksanaan susulan.